

**Microcredit Berasaskan Dana Wakaf Tunai**  
*Microcredit Based on Cash Waqf Funds*

Mohammad Zaini Yahaya<sup>✉</sup>, Amir Fazlim Jusoh@Yusoff, Muhammad Adib Samsudin  
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

**ABSTRAK**

*Microcredit* merupakan satu instrumen untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan bagi meningkatkan taraf hidup mereka. China sebagai contoh telah berjaya muncul negara membangun pertama di dunia yang dapat mengurangkan kadar kemiskinan dunia sebanyak 70%. Namun, untuk mengupayakan penawaran *microcredit*, sesebuah organisasi yang terlibat memerlukan sumber yang kukuh. Antara sumber yang dikenalpasti ialah dana wakaf tunai. Wakaf lebih bersifat fleksibel berbanding zakat, namun ia juga memiliki batasan yang membezakannya daripada sedekah biasa. Kertas kerja ini bertujuan untuk melakukan kajian eksplorasi terhadap wakaf tunai terutama dari sudut hukum hakam fiqh dari sudut persyaratan pengekalan (*ta'bid*) aset wakaf tunai. Turut dianalisis konsep hutang tanpa faedah (*al-qard al-hasan*) sebagai mekanisme pelaksanaan *microcredit* yang mempunyai risiko kegagalan pelunasan hutang. Kajian menggunakan kaedah kualitatif secara analisis dokumen terhadap kitab-kitab muktabar empat mazhab, buku dan artikel jurnal. Hasil kajian mendapati *microcredit* berasaskan dana wakaf tunai boleh dilaksanakan dengan mengunapakai akad hutang tanpa faedah (*al-qard al-hasan*). Namun langkah-langkah sekuriti dalam penawaran perlu diambil berdasarkan keperluan sama ada melalui gadaian (*al-rahn*), potongan gaji, jaminan (*kafalah*) dan pelaburan aset wakaf tunai dalam nisbah yang tertentu dan digunakan hasil keuntungan untuk menampung kekurangan akibat kegagalan pembayaran balik hutang.

**KATA KUNCI**

*Microcredit, wakaf tunai, al-qard al-hasan, ta'bid, pembasmian kemiskinan*

**ABSTRACT**

*Microcredit is an instrument to assist the underprivileged in improving their standard of living. China, for example, has successfully emerged as the first developing country in the world to reduce the global poverty rate by 70%. However, to enable the provision of microcredit, the organizations involved require a strong source of funding. Among the identified sources is cash waqf funds. Waqf is more flexible compared to zakat, yet it also has limitations that distinguish it from ordinary charity. This paper aims to conduct an exploratory study on cash waqf, particularly from the perspective of fiqh rulings regarding the requirement of perpetuity (ta'bid) of cash waqf assets. The concept of interest-free loans (al-qard al-hasan) as a mechanism for implementing microcredit that carries the risk of loan default is also analyzed. The study employs a qualitative method through document analysis of authoritative books from the four madhhabs, books, and journal articles. The findings reveal that microcredit based on cash waqf funds can be implemented using the interest-free loan contract (al-qard al-hasan). However, security measures in the provision must be taken based on necessity, either through collateral (al-rahn), salary deduction, guarantee (kafalah), and investment of cash waqf assets in a certain proportion, with the profits used to cover shortfalls due to loan repayment failures.*

**KEYWORDS**

*microcredit, cash waqf, al-qard al-hasan, ta'bid, poverty alleviation*

**Article History**

Received: Oct 25, 2025

Revised: Oct 25, 2025

Accepted: Oct 25, 2025

Published Dec 15, 2025

**Contact**

Mohammad Zaini Yahaya  
(Corresponding Author)  
[zainiyahya@ukm.edu.my](mailto:zainiyahya@ukm.edu.my)

**Citation**

Mohammad Zaini Yahaya,  
Amir Fazlim Jusoh@Yusoff,  
Muhammad Adib Samsudin.  
2025. Microcredit Berasaskan  
Dana Wakaf Tunai. *Journal of  
Contemporary Islamic Law*.  
10(2): 71-82.

**Copyright**

© 2025 by the author(s)



This work is licensed under a  
Creative Commons Attribution-  
Non-Commercial 4.0  
International License.  
(<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

## PENDAHULUAN

Walaupun ASEAN Key Figures 2024 (2024) melaporkan kadar kemiskinan Malaysia (6.2 peratus) adalah kedua terendah di rantau ini selepas Vietnam (3.4 peratus), namun jurang pendapatan masih tinggi iaitu pada kadar 0.40 skala Gini Ratio berbanding Myanmar dan Kemboja masing-masing 0.30 dan 0.29. Hal ini jika berterusan akan mengheret kepada situasi ketidak seimbangan agihan pendapatan yang semakin parah. Ahli ekonomi bersetuju bahawa kebolehan capaian kepada pembiayaan memainkan peranan untuk merapatkan jurang agihan pendapatan, meningkatkan pendapatan isi rumah dan mengurangkan kadar pengangguran di seluruh dunia (Abdullah et. al, 2011).

Menurut Imran Martin (Martin et. al, 1999) terdapat tiga keperluan kewangan bagi golongan miskin iaitu: 1) keperluan kewangan untuk keperluan kitaran hidup (*life-cycle needs*) seperti mendapatkan zuriat, perkahwinan, kematian, membina rumah, usia tua dan lain-lain, 2) keperluan kewangan untuk situasi kecemasan (*emergencies*) seperti sakit, kemalangan, kehilangan pekerjaan dan kecuarian, 3) keperluan kewangan untuk menggarap peluang (*opportunities*) seperti peluang untuk melabur dalam sesuatu perniagaan yang sedia ada atau perniagaan baharu, membeli hartanah atau aset lain yang produktif. Untuk memenuhi ketiga keperluan ini mereka memerlukan kepada dana. Di sinilah ruang yang perlu dibantu dan antaranya ialah menerusi microcredit.

Program microcredit atau microfinancing telah menjadi polisi penting dalam pembasmian kemiskinan. Malah ia dianggap sebagai pendekatan yang popular untuk mendekati golongan miskin yang biasanya tidak layak mendapat khidmat pembiayaan melalui sektor kredit formal (Norhaziah & Mohamed Sharif, 2006). Secara tidak langsung pendekatan ini dapat membendung mereka daripada mendapatkan khidmat ceti haram yang akan mencengkam kehidupan mereka.

Setakat ini di Malaysia, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) merupakan institusi kredit yang paling berjaya dalam lapangan ini. AIM telah menggunakan model Grameen Bank di Bangladesh yang diiktiraf sebagai program pembasmian kemiskinan paling berjaya pada era 80-an, 90-an dan malah milenium baru (Mohamed Zaini et. al, 2012). Model ini secara khusus telah berjaya mengenyahkan keperluan cagar dalam perkhidmatan dengan menawarkan sistem perbankan yang berteraskan akauntabiliti, kepercayaan bersama, kreativiti dan partisipasi. Walaupun semasa awal penawaran skim-skim AIM tidak mendapat

pengesahan dari sudut kepatuhan syariah, namun didapati kredit yang ditawarkan hanya dikenakan management fee berasaskan kos sebenar (Engku Rabiah, 2019).

Menerusi pelbagai skim yang ditawarkan oleh AIM dapat membantu golongan miskin menjana pendapatan menerusi pekerjaan sendiri (*self-employed*) dan membesarkan aktiviti perekonomian mereka. Sehingga Mei 2020, menerusi skim-skim tersebut AIM telah membantu seramai 943,562 usahawan atau Sahabat (BH Online, 2020). Pemberian modal kepada golongan miskin untuk berusaha keluar daripada garis kemiskinan adalah satu langkah yang terbukti berkesan. Mengambil China sebagai contoh negara yang paling berjaya membasmi kemiskinan. China merupakan negara membangun pertama yang mencapai sasaran pembasmian kemiskinan berdasarkan *United Nations Millennium Development Goals* iaitu pengurangan sebanyak 70% daripada kadar pembasmian kemiskinan dunia. *Poverty alleviation microcredit policy* merupakan polisi yang banyak membantu mencapai sasaran besar ini. Skim microcredit ditawarkan kepada golongan miskin kurang daripada 50,000 yuan tidak melebihi tiga tahun tanpa penjamin dan cagar (Jie Yu et. al, 2020).

Dalam Islam, kredit atau hutang adalah salah satu instrumen untuk menyalurkan bantuan kepada orang yang memerlukan. Malah konsep hutang dalam Islam adalah mulus daripada elemen keuntungan. Setiap aktiviti mengaut keuntungan ke atas sesuatu hutang ia dianggap sebagai riba yang dilarang keras. Hal ini jelas ditegaskan dalam sebuah hadis yang daif dari sudut sanad tetapi sahih dari sudut kandungan:

كل قرض جر نفعاً فهو ربا

*Maksudnya:* Setiap hutang yang memberi manfaat (kepada pemberi hutang) adalah riba.

Hadis ini akhirnya dijadikan kaedah yang berautoriti dalam mengenalpasti sesuatu hutang yang mengandungi elemen riba. Ketegasan Islam terhadap aktiviti yang berteraskan riba jelas dinyatakan dalam al-Quran al-Karim, surah al-Baqarah, ayat 279 yang mengisytiharkan peperangan terhadap pengamal riba yang berkeras dengan pendirian mereka.

Tanpa elemen keuntungan dalam hutang menjadikan ia sebagai *tabarru'* semata-mata. Ia boleh dilakukan oleh individu tetapi dalam skala yang kecil dan tertumpu kepada lingkungan saudara dan rakan taulan. Namun begitu, jika usaha ini dilakukan oleh institusi kewangan menerusi microcredit tanpa faedah atas dasar tanggungjawab sosial korporat (CSR) ia akan boleh dilakukan dalam skala dan impak yang

lebih besar. Pihak institusi kewangan tidak perlu memperuntukkan dana sendiri, sebaliknya ia boleh bertindak sebagai pengurus dana dengan menggunakan sebahagian fasiliti sedia ada dengan kos yang efektif.

Salah satu instrumen yang boleh digunakan ialah untuk memperolehi dana ialah mengupayakan wakaf tunai. Apabila ia melibatkan wakaf tunai timbul dua persoalan iaitu: 1) Adakah wakaf tunai dibenarkan di dalam Syarak? 2) Adakah boleh menjadikan wakaf tunai sebagai dana *microcredit*? Kertas kerja ini akan cuba menjawab dua persoalan ini dengan merujuk kepada pelbagai sumber khususnya kitab-kitab muktabar empat mazhab utama yang muktabar.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah analisis dokumen terhadap sumber-sumber primer dan sekunder yang berautoriti dalam bidang fiqh dan kewangan Islam. Sumber-sumber utama yang dirujuk merangkumi kitab-kitab muktabar daripada empat mazhab utama iaitu Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali bagi meneliti pandangan fuqaha klasik berkenaan wakaf tunai dan penggunaannya. Selain itu, kajian turut merujuk kepada buku-buku rujukan kontemporari serta artikel-artikel jurnal yang berkaitan dengan *microcredit* dan wakaf tunai.

Kajian ini bersifat eksplorasi terhadap hukum hakam fiqh berkenaan wakaf tunai, khususnya dari sudut persyaratan pengekalan (*ta'bid*) aset wakaf tunai yang menjadi polemik dalam kalangan fuqaha. Analisis turut dilakukan terhadap konsep hutang tanpa faedah (*al-qarḍ al-ḥasan*) sebagai mekanisme pelaksanaan *microcredit* yang mempunyai risiko kegagalan pelunasan hutang. Menerusi pendekatan analisis dokumen ini, pandangan-pandangan ulama daripada pelbagai mazhab dianalisis secara kritis bagi mengenal pasti justifikasi syarak dan aplikasi praktikal *microcredit* berasaskan dana wakaf tunai dalam konteks semasa.

## TINJAUAN LITERATUR

### 1. Definisi *Microcredit*

Terdapat pelbagai definisi berkenaan *microcredit* atau kredit mikro. Norhaziah Nawai dan Mohd Noor Mohd Shariff (2010: 153) mendefinisikan *microcredit* sebagai:

*An extremely small loan as small as RM100 given to impoverished people to help them become self employed.*

Ada juga penulis yang mendefinisikannya sebagai:

*A small amount of loan given to the poor at subsidizes interest rate* (Terano et.al 2015: 5)

Definisi pertama tidak menjadikan kadar *interest* yang rendah sebagai ciri *microcredit* berbanding definisi kedua. Namun kedua-duanya meletakkan ciri jumlah hutang yang sedikit dan orang kurang upaya atau miskin sebagai peserta *microcredit*.

Selain itu ada definisi yang fokus kepada pendanaan perniagaan terutama dalam kalangan peniaga kecil. Antaranya Grameen Bank (Norhaziah Nawai & Mohd Noor Mohd Shariff 2010: 153) mendefinisikannya sebagai:

*Small loans given to the poor for undertaking self-employment projects that would generate income and enable them to provide for themselves and their families.*

Malah sebahagian penulis seperti Mohammad Nurul Huda Mazumder et.al (Halimah Abdul Manaf 2017: 584) menyifatkan *microcredit* sebagai hutang yang diberikan kepada golongan miskin tanpa memerlukan cagaran (*collateral*).

*Microcredit* mempunyai makna yang sangat luas. Menurut Muhammad Yunus (2006) tiada maklumat yang lengkap yang diperolehi berkenaan sejarah *microcredit*. Beliau berkata:

*No one now gets shocked if somebody uses the term "microcredit" to mean agricultural credit, or rural credit, or cooperative credit, or consumer credit, credit from the savings and loan associations, or from credit unions, or from money lenders.*

Beliau berpandangan adalah penting untuk menentukan apakah bentuk (*form*) bagi *microcredit* yang dimaksudkan (Muhammad Yunus 2003). Beliau yang mengasaskan Grameen Bank mengemukakan konsep *microcredit* yang berasaskan kepada kepercayaan bersama (*mutual trust*), tanpa legal procedure dan legal system yang beliau namakannya sebagai '*Grameencredit*' (Grameen Bank 2021; Rajdeep & Craig 2008: 9).

Justeru apabila membincangkan berkenaan *microcredit* yang berasaskan dana wakaf tunai yang patuh syariah mestilah dibina satu definisi yang berbeza. Antaranya ia mesti tidak melibatkan interest kerana hutang yang dibenarkan dalam Islam hanya secara *al-qarḍ al-ḥasan* iaitu hutang tanpa faedah. Disebabkan dana wakaf adalah satu amanah, aspek sekuriti dana perlu diambil kira dan dalam sebahagian

keadaan gadaian mungkin sangat diperlukan sebagaimana yang akan dibincangkan nanti. Selain itu, disebabkan cara pengurusan aset wakaf bergantung kepada ketetapan pewakaf ia tidak wajar dikhususkan kepada peniaga melainkan jika ia dinyatakan secara nyata oleh pewakaf.

Kesimpulannya bolehlah didefinisikan microcredit berasaskan dana wakaf sebagai: Hutang skala kecil tanpa faedah yang diberikan kepada golongan yang layak menerusi sumber dana wakaf tunai.

## 2. Wakaf Tunai

Wakaf merupakan kata pinjaman daripada bahasa Arab iaitu *al-waqf*. Perkataan *al-waqf* adalah dalam kategori *masdar* (kata terbitan) tetapi berfungsi sebagai *maf'ul bih* (kata objek yang diperlukan oleh kata kerja transitif) yang bermaksud objek yang diwakafkan (Ibn Bayyah 2018: 23; al-Khathlan 2017: 5). Al-Fayruz Abadi (Abduh 2015: 103) menyatakan wakaf dari sudut bahasa bermaksud *al-habs* (menahan), *al-tasbil* (menyalurkan) dan *al-man'* (menegah). Makna-makna ini sesuai dengan konsep wakaf menurut penggunaannya dalam istilah Syarak. Hal ini boleh dilihat dalam definisi Ibn Hajar al-Haytami (2016:7/442) berikut:

حسب مال يمكن الانتفاع به مع بقاء عينه بقطع  
التصرف في رقبته على مصرف مباح

Maksudnya: Menahan harta yang boleh diambil manfaat daripadanya berserta kekal 'ainnya (tidak musnah atau berkurangan) dengan memutuskan tindakan (pengurusan pewakaf) terhadapnya untuk tujuan penggunaannya yang harus.

Dumayriyyah (2017: 11) telah meneliti definisi wakaf dari sudut istilah dalam kalangan para fuqaha'. Beliau menyimpulkan terdapat pelbagai definisi dalam variasi berbeza yang dikemukakan oleh fuqaha' berdasarkan teori fiqh yang mendasari hukum wakaf dari sudut sifat wakaf, kesan dan syaratnya. Namun, beliau berpandangan semuanya sepakat bahawa konsep wakaf ialah:

تحبب الأصل وتسهيل المنفعة

Maksudnya: Menahan asal (harta wakaf) dan menyalurkan manfaat.

Namun begitu, secara terperinci tetap wujud perbezaan ranting dalam kalangan para berkenaan khususnya berkenaan syarat berkekalan 'ayn iaitu aset wakaf. Bagi mereka, harta wakaf disyaratkan kekal dan tidak hilang atau berkurangan dengan penggunaannya sebagaimana definisi al-Haytami yang lalu. Syarat berkekalan (*baqa'*) harta wakaf ini mempunyai kaitan dengan pandangan sebahagian fuqaha' berkenaan wakaf tunai. Wakaf tunai diperdebatkan kerana dua sifatnya iaitu sebagai harta alih (*manqul*) dan kedua sifatnya akan bertukar tangan dengan penggunaan kerana manfaat wang ialah sebagai alat pertukaran.

Wakaf harta alih dibenarkan menurut satu riwayat dalam mazhab Maliki, satu *qawl* dalam mazhab Syafie dan satu riwayat yang sahih dalam mazhab Hanbali (Karam Abu al-Yazid 2020: 564). Pandangan masyhur dalam mazhab Hanafi tidak mengharuskannya kecuali dalam dua perkara iaitu jika harta alih tersebut menjadi kebiasaan (*'urf*) diwakafkan sebagaimana yang difatwakan oleh Muhammad ibn Hasan al-Shaybani atau harta alih tersebut diwakaf bersekali dengan wakaf harta tak alih (*al-'aqar*) sebagai ikutan (*tabi'*). al-Qadi Abu Yusuf hanya mengharuskan wakaf kuda dan senjata walaupun kedua-duanya tidak termasuk dalam dua perkara yang dinyatakan oleh Muhammad ibn al-Hasan (al-Tarabulsi 2013: 90; al-'Imadi 1997: 24).

## 3. Hukum Wakaf Tunai

Pandangan-pandangan yang telah dibincangkan sebelum ini merujuk kepada harta alih yang bersifat kekal dan tidak musnah atau berkurangan apabila ia digunakan. Namun bagi wang tunai ia tidak memiliki sifat ini. Wang tunai berfungsi sebagai alat tukaran yang hanya boleh dimanfaatkan apabila ia bertukar tangan. Dalam literasi fiqh ia dikategorikan dalam kumpulan harta yang tidak boleh dimanfaatkan melainkan dengan menghilangkan (*italaf*) 'ainnya disebabkan ia bertukar tangan kepada pihak lain. Contoh lain yang lebih jelas bagi kategori ini ialah makanan, minuman, lilin, wangian dan minyak masak. Namun begitu kategori ini terbahagi pula kepada dua bentuk:

- i. Harta alih yang hilang 'aynya apabila digunakan dan tiada gantian (*badal*) untuknya seperti makanan dan lilin. Apabila makanan dimakan ia akan musnah dan apabila lilin dipasang batangnya akan melebur. Sifatnya yang sebegitu lebih mirip kepada sedekah berbanding wakaf.
- ii. Harta alih yang hilang 'aynya apabila digunakan tetapi ia boleh diganti dengan gantian (*badal*) yang seumpama dengannya. Wakaf wang tunai jika dimaksudkan untuk dikembalikan oleh penerima wakaf wang yang sama jumlah dengannya contohnya bayaran hutang ia termasuk dalam kategori ini.

Ibn 'Abidin menukulkan daripada mazhab Hanafi bahawa wakaf wang tunai diharuskan. Beliau (Ibn 'Abidin 1992: 4/364) berkata:

وَإِنَّ الدَّرَاهِمَ لَا تَتَعَيَّنُ بِاللَّعِينِينَ، فَهِيَ وَإِنْ كَانَتْ لَا يُنْتَفَعُ بِهَا مَعَ  
بَقَاءِ عَيْنِهَا لَكِنَّ بَدْلَهَا قَائِمٌ مَقَامَهَا لِعَدَمِ تَعَيُّنِهَا، فَكَأَنَّهَا بَاقِيَةٌ  
وَلَا شَكَّ فِي كَوْنِهَا مِنَ الْمُنْقُولِ، فَحَيْثُ جَرَى فِيهَا تَعَامُلٌ  
دَخَلَتْ فِيهَا آجَارَةُ مُحَمَّدٍ

Maksudnya: "Dirham tidak tertentu ('aynya) dengan sebarang penentuan. Walaupun dirham tidak mungkin dapat dimanfaatkan jika 'aynya

kekal (tanpa bertukar tangan), namun gantiannya mengambil tempatnya kerana ia tidak tertentu. Oleh itu, keadaan dirham tersebut seolah-olah kekal. Memang diakui dirham adalah dalam kategori harta alih (*manqul*), namun oleh kerana sudah menjadi kebiasaan yang diamalkan ia termasuk dalam kategori yang diharuskan oleh Muhammad (ibn Hasan al-Shaybani)”.  
 (al-Ba'li T.th: 248)

Keharusan wakaf wang tunai juga dikaitkan dengan Zufar (al-'Imadi 1997: 20) iaitu seorang ulama yang paling berautoriti dalam mazhab Hanafi selepas al-Qadhi Abu Yusuf dan Muhammad ibn Hasan al-Shaybani.

Bagi mazhab Maliki mereka mengharuskannya jika ia diwakafkan bagi tujuan hutang (*qard*). Hal ini dinyatakan dalam kitab *al-Mudawwanah* (Malik 1324H: 2/103):

فَلَوْ أَنَّ رَجُلًا حَبَسَ مِائَةَ دِينَارٍ مَوْفُوقَةً يُسَلِّمُهَا النَّاسَ  
وَيُرَدُّوْنَهَا عَلَىٰ ذَٰلِكَ جَعَلَهَا حَبْسًا هَلْ تَرَىٰ فِيهَا  
رِزَاةً؟ فَقَالَ: نَعَمْ أَرَىٰ فِيهَا رِزَاةً

Maksudnya: Jika seorang lelaki menahan wang seratus dinar sebagai wakaf yang diberikannya kepada manusia sebagai salaf (hutang) kemudian mereka mengembalikannya (gantiannya) dan disimpannya, adakah wajib zakat ke atas wang tersebut? Beliau (Malik) berkata: Ya, aku berpandangan wajib zakat pada wang tersebut.

Jawapan al-Imam Malik bahawa zakat adalah wajib ke atasnya tanpa membuat mempersoalkan kedudukan dinar yang diwakafkan secara tidak langsung menunjukkan bahawa beliau membenarkannya.

Bagi al-Imam Abu Hanifah wakaf tunai memang tidak dibenarkan memandangkan beliau menolak konsep wakaf harta alih (*manqul*), begitu juga dengan al-Qadi Abu Yusuf yang hanya menerima konsep wakaf harta alih bagi kuda dan senjata sebagaimana yang telah dibincangkan. Namun, Muhammad ibn al-Hasan dan Zufar menerima wakaf tunai kerana mereka tidak menolak konsep harta alih dan menerima konsep gantian (*badal*) sebagai ciri kekal harta wakaf.

Walaupun fuqaha mazhab Syafie dan Hanbali menerima konsep harta alih, namun pandangan terkuat mazhab mereka menjadikan syarat kekal (*ta'bid*) sebagai penghalang keharusan wakaf tunai. Mereka tidak menerima konsep gantian sebagai ciri kekal bagi harta wakaf. Al-Shirazi (1996: 3/513 & 3/673) mengaitkan wakaf dirham dengan sewa dirham. Menurut pendapat yang terkuat dalam mazhab Syafie menyewa dirham dan dinar tidak dibenarkan, oleh itu mewakafkannya juga tidak dibenarkan.

Al-Bujayrimi (2007: 3/245) berkata:

ولا دراهم لزينة أو لالتجار

Maksudnya: Dan tidak boleh (wakaf) dirham untuk tujuan perhiasan atau untuk ditiagakan.

Al-Bahuti (1983: 4/244), seorang ulama mazhab Hanbali berkata:

(وَلَا) يَصِحُّ (وَقُفَّ مَا لَا يُنْتَفَعُ بِهِ مَعَ بَقَائِهِ دَائِمًا كَالْأَثْمَانِ)  
كَحَلَقَةِ فِضَّةٍ تُجْعَلُ فِي بَابِ مَسْجِدٍ، وَكُوفِفِ الدَّرَاهِمَ،  
وَالدَّنَائِيرَ لِئِنْتَفَعَ بِإِقْتِرَاضِهَا؛ لِأَنَّ الْوَقْفَ تَحْيِيسُ الْأَصْلِ،  
وَتَسْيِيلُ الْقَمَرَةِ.

Maksudnya: Tidak sah wakaf sesuatu yang tidak dapat dimanfaatkan dalam keadaan ia kekal (wujud) selamanya seumpama harga bayaran (thaman) seperti frame pintu masjid yang diperbuat daripada perak serta wakaf dirham dan dinar untuk dimanfaatkan sebagai hutang (*qard*) kerana wakaf ialah menahan asal (harta wakaf) dan menyalurkan buahnya (manfaat).

Namun begitu menurut Ibn Taymiyyah pula mengharuskan wakaf tunai. Beliau (al-Ba'li T.th: 248) berkata:

ولو قال الواقف: وقفت هذه الدراهم على قرض المحتاجين، لم  
يكن جواز هذا بعيدًا

Maksudnya: Jika pewakaf berkata: aku wakafkan dirham-dirham ini untuk dijadikan hutang (*qard*) kepada golongan yang memerlukan, logiknya ia adalah harus.

Semua perbincangan ini merujuk kepada dinar dan dirham yang merupakan emas dan perak pada zaman dahulu. Wang kertas atau wang fiat pada zaman ini agak berbeza kerana ia tidak mempunyai nilai instrinsik dan berfungsi sebagai alat tukar secara undang-undang (*legal tender*). Justeru terdapat dua kecenderungan dalam pengiktirafan wang fiat sebagai mata wang di dalam Islam atau sebaliknya. Namun pandangan terpilih dalam kalangan majoriti ulama semasa ialah menerima wang fiat sebagai wang yang mempunyai nilai (*al-thamaniyyah*), justeru ia dikira sebagai barang ribawi. Imam Malik (1324H: 8/104) menyatakan:

وَلَوْ أَنَّ النَّاسَ أَجَارُوا بَيْنَهُمُ الْجُلُودَ حَتَّى تَكُونَ لَهَا سِكَّةٌ  
وَعَيْنٌ لَكَرِهْتُمُهَا أَنْ تُبَاعَ بِالذَّهَبِ وَالْوَرِقِ نَظْرَةً

Maksudnya: Jika manusia membenarkan dalam kalangan mereka kulit binatang untuk dijadikan sebagai sikkah (kepingan wang) dan 'ayn (sejenis wang) nescaya aku menegahinya daripada dijual beli dengan emas dan perak secara bertangguh.

Jelas daripada pernyataan Imam Malik di atas bahawa beliau mengiktiraf kulit binatang sama fungsinya dengan dirham dan dinar jika ia dijadikan alat pertukaran (*medium of exchange*) sehingga diharamkan pertukaran secara bertangguh kerana termasuk dalam kategori riba. Fungsi dinar dan dirham sebagai alat pertukaran lah yang menjadi elemen utama kedua-duanya sebagai mata wang bukan semata-mata kerana fizikalnya emas atau perak. Dominasi fungsi dinar dan dirham sebagai alat pertukaran disifatkan oleh Imam al-Ghazali (2004: 3/235) dengan katanya:

فإنهما خادمان ولا خادم لهما ومرادان لغيرهما

*Maksudnya: Kedua-duanya pemberi perkhidmatan bukan matlamat dan kedua-duanya diperlukan (sebagai perantara) kepada selainnya.*

Imam al-Ghazali juga menyifatkan dinar dan dirham sebagai pengukur nilai (*measure of value*). dengan katanya:

فخلق الله تعالى الدنانير والدرهم حاكمين ومتوسطين  
بين سائر الأموال حتى تقدر الأموال بهما، فيقال هذا  
الجمل يسوي مائة دينار وهذا القدر من الزعفران  
يسوي مائة

*Maksudnya: Lalu Allah mencipta dinar dan dirham sebagai penentu dan perantara antara semua harta sehingga diukur semua harta dengan kedua-duanya. Lalu dikata: “unta ini bersamaan seratus dinar dan zafran sebanyak ini menyamai seratus (dirham)”.*

Wang fiat dengan dua sifat ini iaitu sebagai alat pertukaran (*medium of exchange*) serta pengukur nilai (*measure of value*) menjadikan ia sebagai sesuatu yang memberi manfaat dan itu sudah cukup untuk diterima sebagai aset wakaf (*mawquf*). Sifat lindung nilai (*store of value*) bagi matawang jika tiada sekalipun, ia tertakluk kepada perbezaan pandangan ulama tentang persyaratan konsep kekal (*ta'bid*) sebagaimana yang telah dikupas sebelum ini. Oleh itu, isu wang fiat bukanlah menjadi penentu ksesahan wakaf walaupun sedandainya tidak memenuhi keseluruhan elemen mata wang kerana ia masih mempunyai manfaat yang menjadi syarat utama wakaf menurut persepakatan ulama. Fungsi wang fiat sebagai alat pertukaran pada masa ini tiada siapa pun dapat menyangkalnya.

#### 4. Amalan Wakaf Tunai

Kepelbagaian pandangan berkenaan wakaf tunai yang dibincangkan sebelum ini memberi ruang untuk sarjana muslim semasa untuk memilih manakah yang terbaik untuk dijadikan sandaran. Akademi Fiqh Islam Antarabangsa (Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli 2004) di bawah OIC telah memutuskan wakaf tunai harus dilakukan. Hal ini dinyatakan dalam resolusinya pada tahun 2004 di Oman:

وقف النقود جائز شرعاً، لأن المقصد الشرعي من  
الوقف وهو حبس الأصل وتسبيل المنفعة متحقق فيها؛  
ولأن النقود لا تتعين بالتعيين وإنما تقوم بأدائها مقامها

*Maksudnya: Wakaf tunai harus menurut syarak. Alasannya kerana matlamat wakaf dari sudut syarak iaitu ‘menahan asal (harta wakaf) serta menyalurkan manfaat’ tercapai dengannya dan kerana wang tunai tidak tertentu dengan sebarang penentuan, sebaliknya gantinya (badal) mengambil tempatnya (apabila ia tiada).*

Di Malaysia, wakaf tunai bukanlah suatu perkara baharu. Ia telah pun diluluskan oleh Muzakarah

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-77 yang bersidang pada 10 hingga 12 April 2007. Namun pelaksanaannya tertakluk kepada negeri-negeri masing-masing.

Menurut Fathullah Al Haq dan Jasni Sulong (2017: 236) wakaf tunai sudah wujud lebih awal iaitu dalam keputusan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIAMP) pada tahun 1959 melalui Lembaga Amanah Masjid Negeri Perak. Berdasarkan Peraturan 18(2), Peraturan Kawalan Wakaf 1959 memperuntukkan bahawa:

*“Jawatankuasa Kawalan Wakaf Negeri bolehlah menerima wang tunai daripada siapa-siapa yang berhajat hendak mewakafkan bagi faedah am dengan mengisi satu borang yang ditetapkan bagi-nya”.*

Namun perlu diperhalusi adakah “menerima wang tunai” dalam keputusan tersebut sudah dianggap wakaf tunai? Hakikatnya ia tidak semestinya bermaksud wakaf tunai yang dibincangkan sebelum ini kerana apa yang dinyatakan mungkin hanya bermaksud kaedah pelaksanaan wakaf bukan pendetailan tentang aset wakaf (*mawquf*).

Fathullah Al Haq dan Jasni Sulong (2017: 239) menyatakan lagi, Mesyuarat Jemaah Ulama MAIK pada 9 Jun 2013 mensyaratkan pentadbiran MAIK hendaklah memastikan bahawa wang tunai yang diwakafkan digunakan untuk pembelian aset wakaf kekal. Alasannya wang tunai secara fizikalnya tidak boleh dikekalkan dalam bentuk yang asal tetapi pengekalan ini masih boleh direalisasikan dengan menukarnya kepada harta lain yang bersifat kekal. Senario yang sama dinyatakan oleh Muhd Ramadhan Fitri Ellias et. al (2020: 10) bahawa Majlis Fatwa Negeri Selangor mensyaratkan bahawa hasil daripada wang Skim Saham Wakaf Selangor hendaklah dibelanjakan bagi tujuan pembelian aset kekal. Majlis Fatwa Terengganu pula dalam sebuah fatwa yang tidak diwartakan mengesyorkan agar *sighah* lafaz wakaf menyatakan agar wang yang diwakafkan digunakan untuk membeli harta kekal.

Wakaf tunai yang dimaksudkan bukan sekadar “menerima wang tunai”. Polemik dalam kalangan Fuqaha berkenaan wakaf tunai ialah apabila pewakaf menjadikan dinar dan dirham itu sebagai aset wakaf bukan ditukar kepada aset-aset lain terutama dalam bentuk harta tak alih. Jika wang tunai ditukar kepada harta tak alih seperti tanah atau bangunan yang kemudiannya dianggap sebagai aset wakaf, itu bukan isu yang dibincangkan. Penerimaan wang tunai oleh pihak pengurus wakaf hanyalah proses awal pengumpulan wang untuk membeli harta tak alih yang ditukar kepada aset wakaf. Nisbah harta wakaf oleh para pewakaf terhadap aset wakaf tersebut adalah dalam bentuk perkongsian berdasarkan kadar sumbangan masing-masing. Sebelum wang tunai

tersebut ditukar kepada aset wakaf tak alih, pengurus wakaf hanya bertindak sebagai wakil yang bertindak bagi pihak penyumbang.

Keharusan wakaf tunai juga dinyatakan oleh Akademi Fiqh Islam Antarabangsa (Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli 2004) dalam resolusinya berkenaan wakaf tunai:

إذا استثمر المال النقدي الموقوف في أعيان كأن يشتري الناظر به عقاراً أو يستصنع به مصنوعاً، فإن تلك الأصول والأعيان لا تكون وقفاً بعينها مكان النقد، بل يجوز بيعها لاستمرار الاستثمار، ويكون الوقف هو أصل المبلغ النقدي

*Maksudnya: Jika dilaburkan wang tunai yang diwakafkan dalam bentuk fizikal ('ayn) umpamanya nazir membeli dengannya harta tak alih atau dijadikan modal pembinaan (istisna'), jsuteru aset yang dibeli atau dibina tidak menjadi aset wakaf sebagai menggantikan wang tunai. Sebaliknya aset tersebut boleh dijual untuk meneruskan pelaburan dan aset wakaf ialah jumlah asal wang tunai.*

Begitu juga akademi yang sama menyatakan dalam resolusi berkenaan wakaf saham, sukuk dan *al-huquq al-ma'naviyyah (intangible rights)*:

الأصل في الأسهم الوقفية بقاؤها واستعمال عوائدها في أغراض الوقف وليس المتاجرة بها في السوق المالية فليس للناظر التصرف فيها إلا لمصلحة راجحة أو بشرط الواقف فهي تخضع للأحكام الشرعية المعروفة للاستبدال.

*Maksudnya: Hukum asal bagi saham-saham wakaf ialah kekal dan hasilnya (dividen) digunakan untuk tujuan wakaf dan ia tidak boleh diniagakan dalam pasaran modal. Nazir tidak boleh bertindak ke atas saham-saham wakaf melainkan kerana masalah yang dominan atau ia disyaratkan oleh pewakaf dan ia tertakluk kepada hukum hakam Syarak yang dikenali sebagai istibdal.*

Kenyataan ini bermaksud wakaf tunai sama ada wang atau saham akan kekal dalam bentuk tunai atau saham dan jika digunakan untuk membeli aset yang lain dengan tujuan untuk menjadikannya aset wakaf ia mestilah melalui proses *istibdal*. Jika dibeli aset lain bukan untuk dijadikan sebagai aset wakaf sebaliknya untuk tujuan pelaburan ia tidak melalui proses *istibdal* sebaliknya ia masih kekal wakaf tunai yang dilaburkan untuk kepentingan penerima wakaf. Biasanya bentuk yang kedua ini ia akan dilaburkan untuk mendapatkan pulangan secara berkala atau untuk jangkamasa tertentu bagi mendapatkan keuntungan. Hasil daripada keuntungan jualan atau dividen itu barulah diagihkan kepada penerima wakaf. Jika keadaan memerlukan, aset tersebut akan dicairkan untuk mendapatkan keuntungan yang akan diagihkan kepada penerima.

Sebaliknya jika melalui proses *istibdal* untuk dijadikan aset wakaf baharu, aset tersebut akan kekal dan kebiasaannya ia akan disewakan atau diberi hak penggunaan secara langsung kepada penerima wakaf sama ada sebagai tempat penginapan, hospital, pusat pengajian dan sebagainya. Berbanding wakaf tunai yang sebenar, wakaf seumpama ini giat dilakukan oleh MAIN setiap negeri bahkan dalam kalangan badan korporat dan badan bukan kerajaan di Malaysia.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 1. Penggunaan Wakaf Tunai Sebagai *Qard*

Jika kita menelusuri perbincangan berkenaan penggunaan wakaf tunai dalam kalangan fuqaha terdahulu dan kini, kita dapati terdapat tiga bentuk penggunaan yang dibincangkan iaitu:

#### a. Pinjaman (*i'arah*) untuk Tujuan Perhiasan

Hal ini dibincangkan oleh para fuqaha silam kerana asas kepada dinar dan dirham ialah emas dan perak. Emas dan perak adalah perhiasan terutama bagi wanita untuk tujuan tertentu seperti majlis perkahwinan. Amalan menyewa emas untuk tujuan perhiasan boleh dilihat dalam kata-kata Ibn Qudamah (1968: 5/104) berikut dalam bab sewa (*al-ijarah*) daripada kitab *al-Mughni*:

فصل: وتجوز إجارة الدراهم والدنانير، للوزن والتحلي، في مدة معلومة. وبه قال أبو حنيفة. وهو أحد الوجهين لأصحاب الشافعي، والوجه الآخر، أنها لا تجوز إيجارتها

*Maksudnya: Fasal: harus menyewa dirham dan dinar untuk dijadikan alat timbangan dan perhiasan. Pandangan ini juga dikatakan oleh Abu Hanifah. Ia juga merupakan pandangan salah satu wajah dalam kalangan ulama mazhab Syafie sementara pandangan satu lagi dalam mazhab (Syafie) menyatakan ia tidak harus.*

Oleh kerana para ulama berbeza pandangan berkenaan hukum menyewa dinar dan dirham untuk tujuan perhiasan mereka juga berbeza pandangan dari sudut menjadikannya sebagai aset dalam wakaf. Namun perbincangan ini tidak lagi menjadi persoalan pada zaman ini kerana wang tunai pada masa ini tidak lagi menggunakan logam emas dan perak untuk dijadikan perhiasan.

#### b. Pelaburan

Pelaburan adalah salah satu mekanisma perlindungan aset wakaf daripada berkurangan khususnya wakaf tunai. Di samping itu, dalam keadaan tertentu ia juga boleh dijadikan sebagai instrumen untuk

mengembangkan harta wakaf. Terdapat banyak penulisan berkenaan hukum dan kaedah pengembangan harta wakaf menerusi pelaburan. Malah menurut Syahnaz Sulaiman dan Aznan Hasan (2016: 249) pelaburan harta wakaf secara produktif dan objektif yang memberi keuntungan adalah menepati konsep pembangunan lestari. Menurut al-Haddad (2014: 68) peluang untuk melabur wakaf tunai adalah lebih luas daripada wakaf harta tak alih seperti rumah, bangunan dan sebagainya. Antara bentuk pelaburan aset tunai wakaf yang beliau bincangkan ialah; saham, pasaran modal, sukuk, mudarabah, *ibda'* perniagaan dan lain-lain kaedah yang terjamin kepatuhan syariahnya.

Namun begitu, segala tindakan yang dilakukan oleh pengurus wakaf tidak boleh mendedahkan aset wakaf kepada risiko. Al-Zarqa' (al-Farfur 2001) menyatakan:

التصرف في مال الوقف يستمد أحكامه من التصرف في مال  
اليتيم

*Maksudnya: Tindakan terhadap harta wakaf diambil hukumnya daripada (hukum) betindak ke atas harta anak yatim.*

Justeru, pengurus wakaf tidak boleh sewenang-wenangnya membuat pelaburan melainkan setelah dibuat kajian yang mendalam dan dipastikan akan menguntungkan atau sekurang-kurangnya tidak mengurangkan aset tunai yang dilaburkan.

### c. Hutang (*Qard*)

Berbeza dengan pelaburan, hutang (*qard*) bukan pelaburan kerana ia adalah akad *tabarru'* yang tidak berpaksikan keuntungan. Namun, sebagaimana yang kita fahami, matlamat utama wakaf ialah untuk memberi manfaat kepada pihak yang berhak. Sebagaimana yang telah dibincangkan di awal kertas kerja ini, hutang (*qard*) adalah satu keperluan sama ada untuk mencukupkan keperluan sebahagian orang, mahu pun untuk dijadikan modal perniagaan dan pelaburan. Malah telah terbukti hutang (*qard*) dalam bentuk *microcredit* telah dapat mengurangkan kadar kemiskinan. Dalam era pandemik Covid-19, keperluan ini lebih mendesak. Antara bentuk ihsan kepada mereka yang tidak bernaib baik ialah dengan memberikan mereka hutang tanpa faedah atau dikenali sebagai *al-qard al-hasan*. Selain membantu mereka dari sudut kewangan, ia turut mengekang sebahagian mereka daripada terjerumus kepada penggunaan khidmat ceti atau along.

Namun begitu, penggunaan wakaf tunai secara pemberian hutang (*qard*) ini perlu diperhalusi dengan lebih lanjut kerana ia juga mempunyai risiko

kepada aset tunai wakaf itu sendiri. Justeru penulis mengambil langkah membincangkan tajuk ini lebih mendalam berbanding dua mekanisma penggunaan aset wakaf tunai yang sebelum ini.

## 2. Pandangan Ulama Terhadap Pemberian Hutang (*Qard*) Daripada Wakaf Tunai

Sebelum ini kita telah melihat pandangan ulama berkenaan hukum wakaf tunai. Bagi ulama yang menolak wakaf tunai tiada alasan bagi mereka untuk membenarkan isu yang dibincangkan di sini. Namun adakah ulama yang mengharuskan wakaf tunai membenarkan ia digunakan dalam bentuk hutang (*qard*)? Secara logiknya, isu penggunaan wakaf tunai sebagai hutang (*qard*) adalah lebih ringan berbanding penggunaannya sebagai mudarabah. Walaupun mudarabah dan pelbagai instrumen pelaburan boleh menjana keuntungan, namun pada masa yang sama modalnya tidak boleh dijamin kecuali oleh pihak ketiga. Sebaliknya sifat *qard* pula ia dijamin kerana orang yang berhutang mempunyai komitmen untuk melangsaikan hutangnya. Namun begitu, sering juga terjadi penghutang tidak mampu menyelesaikan hutangnya atau melarikan diri daripada membayar hutang. Justeru, apakah pandangan fuqaha berkenaan hal ini?

Jika kita melihat para fuqaha yang mengharuskan wakaf tunai, kebanyakan mereka menyatakan dengan jelas ia digunakan untuk tujuan hutang (*qard*).

Sebagai contoh, ketika berhujah tentang sifat *ta'bid* (berkekalan) aset wakaf tunai, al-'Imadi (1997: 30) mengaitkannya dengan hutang dan mudarabah. Beliau yang juga seorang tokoh mazhab Hanafi berkata:

الدرهم تقرض للفقراء أو تدفع مضاربة ويتصدق  
بالأرباح، والحنطة تقرض للفقراء ثم تؤخذ منهم، فقد  
جعل بقاءه في ذمة المستقرض أو يد المضارب بمنزلة بقاء  
العين، فكأنه يشير بصورة الإقراض إلى انتفاع الفقير  
بعين الوقف، وبصورة المضاربة إلى الانتفاع بغلته

*Maksudnya: Dirham diberi kepada orang-orang fakir sebagai hutang (qard) atau diberikan dalam bentuk mudarabah dan disedekahkan keuntungannya. Gandum diberikan kepada orang-orang fakir sebagai hutang (qard) kemudian diambil kembali daripada mereka. Maka dijadikan kekalnya (aset wakaf) pada dhimmah (tanggungjawab) penghutang atau pengusaha (mudarib) seumpama kekal 'aynnya. Seolah-olah dia hendak menggunakan gambaran hutang (qard) sebagai pemahaman bahawa si fakir (dalam kes hutang) menggunakan manfaat terus*

daripada aset wakaf dan gambaran mudarabah pula sebagai penggunaan manfaat dalam bentuk ghallah (hasil) daripada aset wakaf.

Imam Malik (Malik 1324H: 2/103) memprakui hukum berzakat bagi wakaf tunai yang dijadikan *salaf* (hutang):

فَلَوْ أَنَّ رَجُلًا حَبَسَ مِائَةَ دِينَارٍ مَوْثُوقَةً يُسَلِّفُهَا النَّاسَ  
وَيَزِدُّونَهَا عَلَى ذَلِكَ جَعَلَهَا حَبْسًا هَلْ تَرَى فِيهَا  
زَكَاةً؟ فَقَالَ: نَعَمْ أَرَى فِيهَا زَكَاةً

*Maksudnya: Jika seorang lelaki menyimpan seratus dinar yang diwakafkan dan diberikan kepada manusia dalam bentuk salaf (hutang) kemudian mereka mengembalikannya dan disimpannya adakah wajib zakat? Beliau (Malik) berkata: Ya, aku berpandangan dia wajib zakat.*

al-Murdawi (1955: 7/11) iaitu seorang ulama mazhab Hanbali berkata:

يصح وقف الدراهم، فينتفع بها في القرض ونحوه اختاره  
شيخنا.

*Maksudnya: Sah wakaf dirham dan ia diambil manfaat menerusi hutang (qard) dan seumpamanya. Pandangan ini dipilih oleh guru kami (Ibn Taymiyyah).*

Ibn Taymiyyah (al-Ba'li T.th: 248) sendiri berkata:

ولو قال الواقف: وقفت هذه الدراهم على قرض  
المحتاجين، لم يكن جواز هذا بعيدا

*Maksudnya: Jika pewakaf berkata: aku wakafkan dirham-dirham ini untuk dijadikan hutang (qard) kepada golongan yang memerlukan, logiknya ia adalah harus.*

Badan-badan fatwa antarabangsa juga memprakui hutang (*qard*) sebagai satu mekanisme penggunaan wakaf tunai. Antaranya Akademi Fiqh Islam Antarabangsa (Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli 2004) dalam resolusinya berkenaan wakaf tunai menyatakan:

يجوز وقف النقود للقرض الحسن، وللإستثمار...

*Maksudnya: Harus mewakafkan wang tunai untuk tujuan qard hasan dan pelaburan.*

Ketetapan yang sama boleh dilihat pada Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOFI). Dalam parameter berkenaan wakaf (al-Ma'ayir al-Shar'iyah 2017: 826) tunai dinyatakan:

يجوز وقف النقود، ويكون الانتفاع بهما بما لا يؤدي إلى  
استهلاكها مع الانتفاع بها مثل: الإقراض المشروع أو  
باستثمارها بالطرق المشروعة المأمونة غالباً

*Maksudnya: Wakaf tunai adalah harus. Penggunaannya mestilah dalam bentuk yang dapat mengekalkan jumlah prinsipalnya. Contohnya: memberi hurang (qard) yang dibenarkan Syarak atau melaburkannya dengan jalan yang kebiasaannya terjamin.*

Berdasarkan nukilan-nukilan di atas, jelaslah bahawa hutang (*qard*) merupakan salah satu penggunaan wakaf tunai. Walaupun aset wakaf terpaksa bertukar tangan untuk diperolehi manfaat daripadanya, namun ia tidak hilang kerana penghutang tetap mempunyai kewajipan untuk melunasinya. Jika penghutang menggunakannya untuk tujuan perniagaan atau mudarabah dan mengalami kerugian, dia tetap berkewajipan membayar hutang kerana hutang telah dihakmilikkan kepadanya.

### 3. Risiko Hutang Sebagai Mekanisme Penggunaan Aset Tunai Dalam Wakaf Tunai

Kegagalan penghutang melangsaikan hutang bersumberkan dana wakaf merupakan risiko yang menggugah konsep asas wakaf. Pengurus wakaf sebagai pemegang amanah bertanggungjawab menghindari risiko berkurangnya aset wakaf disebabkan fenomena yang tidak sihat ini. Namun di sebalik risiko ini, apa-apa kekurangan yang berlaku disebabkan kegagalan pelunasan hutang boleh ditampung daripada sumber-sumber yang lain. Hal ini disebabkan sifat 'wang tunai yang tidak tertentu dengan sebarang penentuan' (النَّقُودُ لَا تَتَعَيَّنُ بِالْمَعْيُورِينَ) memberikan sedikit keanjalan dalam menghadapi risiko ini. Atas dasar ini, berikut dibahagikan kaedah mengatasi risiko kegagalan pelunasan hutang microcredit berasaskan dana wakaf tunai:

#### a. Kaedah Mengekang Penghutang Daripada Mengelak daripada Membayar Hutang:

##### i) Gadaian (*al-Rahn*)

Pihak pengurus dana wakaf boleh menetapkan syarat supaya penghutang menyediakan barang gadaian sebagai jaminan. Apabila penghutang gagal melunaskan hutang pada masa yang ditetapkan dan selepas diberi tempoh tambahan atas dasar ihsan, pihak pengurus dana wakaf boleh menjual barang gadaian untuk menampung bayaran hutang. Syarat ini juga secara tidak langsung dapat menjadikan penghutang lebih bertanggungjawab untuk menebus barang gadaian dengan melunaskan hutang.

## ii) Mod Pembayaran Secara Potong Gaji

Bagi yang bergaji tetap, kaedah ini boleh digunakan. Potongan gaji secara tetap yang dilakukan oleh majikan atas arahan atau keizinan penghutang dapat mengelak daripada kelewatan bayaran.

## iii) Penyediaan Penjamin

Ini merupakan amalan biasa sejak zaman dahulu. Gabungan tanggungjawab antara penjamin dan orang yang dijamin dapat mengalih beban kutipan hutang akibat kegagalan penghutang.

## b. Kaedah Menampung Kekurangan Aset Wakaf Tunai Akibat Kegagalan Pelunasan Hutang:

Jika ketika-tiga cara yang dinyatakan sebelum ini masih tidak dapat mengatasi masalah kegagalan pelunasan hutang, kekurangan ini perlu ditampung daripada sumber yang lain. Perkara ini boleh diatasi jika wakaf tunai yang diterima dilaburkan dalam nisbah yang tertentu untuk mendapatkan hasil sebagai plan sokongan. Malah kaedah ini juga perlu digunakan untuk menampung kos pengurusan microcredit jika tiada sumber lain yang diperolehi serta menangani situasi inflasi yang menyebabkan nilai aset wakaf semakin mengecil.

Namun, pembentukan *microcredit* berasaskan wakaf mesti direka bentuk, dipantau dan disokong dengan teliti oleh undang-undang, peraturan tadbir urus serta sistem perakaunan yang kukuh. Tanpa ciri-ciri ini pengurusan microcredit akan terdedah kepada risiko kegagalan yang tinggi.

## KESIMPULAN

Microcredit merupakan salah satu instrumen kewangan yang terbukti berkesan untuk mengatasi krisis kewangan golongan kurang upaya. Keanjalan yang ada pada konsep wakaf berbanding zakat boleh menjadikannya sebagai sumber pilihan bagi mengupayakan penawaran microcredit. Namun begitu, wakaf masih memiliki ciri-ciri tertentu yang perlu dipenuhi berbanding sedekah biasa. Antara ciri yang menjadi persoalan dalam wakaf tunai ialah sifat kekal (*ta'bid*) aset wakaf yang merupakan ciri utama wakaf. Namun, hasil kajian literasi berautoriti dalam empat mazhab membuktikan wakaf tunai berpijak di atas justifikasi yang kukuh untuk dikehadapkan. Penggunaan wakaf tunai sebagai hutang dalam penawaran microcredit mendedahkannya kepada isu kegagalan pelunasan hutang yang menggugah ciri utama wakaf iaitu kekal (*ta'bid*). Namun isu ini masih boleh diatasi dengan mengambil langkah-langkah tertentu yang bersesuaian. Langkah yang dicadangkan ialah: mensyaratkan gadaian (*al-rah*n), menetapkan mod pembayaran secara potong gaji dan mensyaratkan penjamin. Selain itu, sebahagian jumlah

dana wakaf tunai perlu dilaburkan untuk menampung kos penawaran dan kutipan hutang serta kekurangan aset wakaf disebabkan kegagalan penghutang melunaskan hutang mereka.

## RUJUKAN

- Abdullah Al-Mamun, Sazali Abdul Wahab & C.A. Malarvizhi. 2011. Examining the Effect of Microcredit on Employment in Peninsular Malaysia. *Journal of Sustainable Development*. 4(2): 174-183.
- 'Abduh, Muhammad. 2015. Al-Ahdaf al-tashri'iyyah li nizam al-waqf al-Islami. *Qudus International Journal of Islamic Studies*. 3(1): 100-113.
- Al-Ba'li, 'Ala' al-Din Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad. T.th. *Al-Akhbar al-'Ilmiyyah min al-Ikhtiyarat al-Fiqhiyyah li Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah*. Tahqiq Ahmad ibn Muhammad Hasan al-Khalil. T.tp: Dar al-'Asimah.
- Al-Bahuti, Mansur ibn Yunus. 1983. *Kashshaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*. Jil. 4. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Al-Bujayrimi, Sulayman. 2007. *Bujayrimi 'ala al-Khatib*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Fikr.
- ASEAN Key Figures 2024. 2024. Vol. 7. Jakarta: The ASEAN Secretariat Community Relations Division (CRD).
- Engku Rabiah Adawiah Engku Ali. 2019. *Successful Models of Social Finance Initiatives: Lessons From Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)*. 14<sup>th</sup> International Shari'ah Scholars Forum (ISSF2019). ISRA, Kuala Lumpur. 31 Oktober.
- Department of Statistics Malaysia. 2021 [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=124&bul\\_id=SkFRMTJ0d1RIR3BrdG1aUTBsUmw2Zz09&menu\\_id=Tm8zcnRjdV RNWWlpWjRlbmtlaDk1UT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=124&bul_id=SkFRMTJ0d1RIR3BrdG1aUTBsUmw2Zz09&menu_id=Tm8zcnRjdV RNWWlpWjRlbmtlaDk1UT09) Dicapai: 18 Ogos 2021.
- Dumayriyyah, 'Uthman Jum'ah. 2017. Al-Waqf al-Ta'limi fi al-mujtama' al-Islami (atharuh wa turuq adatih wa istithmarih). *Muntada Fiqh al-Iqtisad al-Islami 2017*, hlm. 1-63.
- al-Farfur, 'Abd al-Latif Salih. 2001. *Waqf al-Nuquqd fi al-Fiqh al-Silami*. <https://almaktaba.org/book/8356/24739>. Dicapai pada: 16 Ogos 2021.
- Fathullah Al Haq Muhamad Asni & Jasni Sulong. 2017. Wakaf Tunai dan Aplikasinya dalam Undang-Undang di Negara Asean. *Jurnal Syariah*, 25(2): 217-246.

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 2004. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Grameen Bank. 2021. *What is Microcredit?* <https://grameenbank.org/what-is-microcredit/>. Dicapai pada: 18 Ogos 2021.
- Halimah Abdul Manaf. 2017. Impact of Microcredit Scheme on the Development of Entrepreneurship Skills among Low Income Households in a Developing Country Context. *International Journal of Economics and Financial Issues*. 7(1): 583-593.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin ibn 'Umar. 1992. *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Bayyah, 'Abd Allah ibn al-Shaykh al-Mahfuz. 2018. *I'mal al-maslahah fi al-waqf*. Abu Dhabi: al-Muwatta' Center.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah ibn Ahmad. 1968. *Al-Mughni*. Jil. 5. Kaherah: Maktabah al-Qahirah.
- al-'Imadi, Abu al-Su'ud Muhammad ibn Muhammad. 1997. *Risalah fi Jawaz Waqf al-Nuqud*. Tahqiq Abu al-Ashbal Saghir Ahmad Shaghif. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Imran Matin, David Hulme and Stuart Rutherford. 1999. *Financial Services for the Poor and Poorest: Deepening Understanding to Improve Provision*. Manchester: University of Manchester.
- Al-Haddad, Ahmad ibn 'Abd al-'Aziz. 2014. *Min Fiqh al-Waqf*. Dubai: Da'irah al-Shu'un al-Islamiyyah wa al-'Amal al-Khayri.
- Jie Yu, Xiao Han, Baozhen Chen & Jinzheng Ren. 2020. Estimating the Impact of Poverty Alleviation Microcredit on the Income of Poor Households Using the Propensity Score Matching Method: Evidence from China. *Agriculture*. 10(7): 1-19.
- Karam Abu al-Yazid Ahmad Mahmud. 2020. Waqf al-Nuqud "Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah". *Hawliyyah Kulliyat al-Dirasah al-Islamiyyah wa al-'Arabiyyah li al-Banat bi al-Askandariyyah*. 36(7): 535-607.
- Al-Khathlan, Sa'd ibn Turki. 2017. *Al-Usul al-shar'iyah li ithbat al-waqf*. Riyad: Dar al-Atlas al-Khadra'.
- Al-Haytami. Shihab al-Din Ahmad ibn Muhammad. 2016. *Tuhfat al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*. Cetakan bersama Hashiyah al-Shirwani wa al-Abbadi. Jil. 7. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Malik, Abu 'Abd Allah Malik ibn Anas. 1324H. *Al-Mudawwanah al-Kubra Riwayah al-Imam Sahnun ibn Sa'id al-Tanukhi*. Jil. 2 & 8. Jedah: Wazarah al-Shu'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irshad.
- Al-Ma'ayir al-Shar'iyah, al-Nas al-Kamil li al-Ma'ayir al-Shar'iyah*. 2017. Bahrain: Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions.
- Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli. 2004. <https://www.iifa-aifi.org/ar/2157.html>. Dicapai pada: 13 Ogos 2021.
- Mohammad Nurul Huda Mazumder, Zhan Su, Muhammad Mohiuddin & Abdullah Al-Mamun. 2015. Beyond making of micro credit: An empirical study on microenterprise income in urban Malaysia. *Proceeding of Multidisciplinary Studies. Global Issues In Multidisciplinary Academic Research GIMAR 2015*. Dubai. 25-48.
- Mohamed Zaini Omar, Main Rindam & Che Supian Mohamad Nor. 2012. Pencapaian skim kredit mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dalam lanskap pembangunan luar bandar: Satu penilaian. *GEOGRAFIA Malaysia Journal of Society and Space*. 8(2): 7-19.
- Muhammad Yunus. 2003. *Expanding Microcredit Outreach to Reach the Millennium Development Goal-Some Issues for Attention*. Yunus Centre. <https://www.muhammadyunus.org/post/241/expanding-microcredit-outreach-to-reach-the-millennium-development-goal-some-issues-for-attention2>. Dicapai pada: 17 Ogos 2021.
- Muhammad Yunus. 2006. *What is Microcredit?* Village Volunteers. chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcgclefindmkaj/viewer.html?pdfurl=https%3A%2F%2Fwww.villagevolunteers.org%2Fwp-content%2Fuploads%2F2011%2F06%2Fmicrocredit-Definitions.pdf&clen=80325&chunk=true. Dicapai pada: 17 Ogos 2021.
- Muhd Ramadhan Fitri Ellias, Ahmad Firdaus Kadir & Muhamad Nasir Haron. 2020. Parameter Syariah Untuk Wakaf Tunai. Chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcgclefindmkaj/viewer.html?pdfurl=https%3A%2F%2Fwww.maybank2u.com.my%2Fwv-resources%2Fislamic-my%2Fdocument%2Fmy%2Fen%2Fislamic%2Fscoe%2Fknowledge-centre%2Fresearch-paper%2FParamater\_Syariah\_Wakaf\_Tunai.pdf&clen=775213&chunk=true. Dicapai pada: 15 Ogos 2021.
- Al-Murdawi, 'Ali ibn Sulayman. 1955. *Al-Insaf fi Ma'rifah al-Rajih min al-Khilaf*. Tahqiq Muhammad Hamid al-Faqi. Jil. 7. T.tp: Matba'ah al-Sunnah al-Muhammadiyah.
- Norhaziah Nawai & Mohamed Sharif Bashir. 2006. *Evaluation of Micro Credit Program for Poverty Alleviation: A case of Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)*. National Seminar in Islamic Banking and Finance (iBAF 2006). Kolej Universiti Islam Malaysia, Kuala Lumpur.

- Norhaziah Nawai & Mohd Noor Mohd Shariff. 2010. Determinants of Repayment Performance in Microcredit Programs: A Review of Literature. *International Journal of Business and Social Science*. 1(2): 152-161.
- Rajdeep Sengupta & Craig P. Aubuchon. 2008. The Microfinance Revolution: An Overview. *Federal Reserve Bank of St. Louis Review*. 90(1): 9-30.
- Syahnaz Sulaiman & Aznan Hasan. 2016. Strategi Pembangunan dan Pelaburan Wakaf Secara Lestari Menurut Perspektif Syariah. *Jurnal Syariah*. 24(2): 237-270.
- Al-Shirazi, Abu Ishaq Ibrahim ibn 'Ali. 1997. *Al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*. Tahqiq Muhammad al-Zuhayli. Jil. 3. Beirut: Dar al-Qalam & al-Dar al-Shamiyyah.
- al-Tarabulsi, Burhan al-Din Ibrahim ibn Musa. 2013. *Al-Is'af fi Ahkam al-Waqf*. Jedah: Jami'ah al-Malik 'Abd al-'Aziz.
- Terano, Rika, Zainalabidin Mohamed and Jarir Hakimi H. Jusri. 2015. Effectiveness of microcredit program and determinants of income among small business entrepreneurs in Malaysia. *Journal of Global Entrepreneurship Research*. 1: 1-14.

# Journal of Contemporary ISLAMIC LAW

Volume: 10 Issue: 2

ISSN 2976-3916 eISSN: 0127-788X

DECEMBER 2025



**Published by:**  
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
[www.ukm.my/jcil](http://www.ukm.my/jcil)

eISSN 0127-788X



9 770127 788006

KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Hukum Memakan Hamster Menurut Pandangan Empat Mazhab</b> <i>The Ruling on Eating Hamsters According to the Perspectives of the Four Madhhabs</i> Nur Anis Nadhira Azhar, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh	1-8
<b>Aplikasi Fatwa Kontemporari Terhadap Produk Makanan Moden</b> <i>The Application of Contemporary Fatwas on Modern Food Products</i> Nur Aqila Mohd Zahari, Nur Ain Nabihah Nasharuddin, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh	9-19
<b>Beli Dahulu Bayar Kemudian (BNPL) Sebagai Wahana Perbelanjaan Patuh Syariah dan Beretika: Satu Tinjauan Literatur</b> <i>Buy Now Pay Later (BNPL) as a Shariah-Compliant and Ethical Spending Mechanism: A Literature Review</i> Nurlailatul Akma Abu Bakar, Ahmad Dahlan Salleh	20-28
<b>الزكاة كأداة استراتيجية لتحقيق التنمية المستدامة في سلطنة عُمان: نحو تكامل اقتصادى واجتماعى مع رؤية عُمان ٢٠٤٠</b> <i>Zakat as a Strategic Tool for Achieving Sustainable Development in the Sultanate of Oman: Towards Economic and Social Integration with Oman Vision 2040</i> Badriya Ahmed Mahmood Al Rawahi, Nurul Ilyana Muhd Adnan & Mohammad Zaini Yahaya	29-36
<b>Implikasi Fenomena Childfree terhadap Keseimbangan Generasi: Suatu Tinjauan dari Perspektif Islam</b> <i>Implications of the Childfree Phenomenon on Generational Balance: A Review from an Islamic Perspective</i> Maizatul Aliya Hairunnizam, Wafaa' binti Yusof	37-46
<b>Impak Jenayah Merempit Menurut Perundangan Sivil dan Perspektif Hukum Islam</b> <i>The Impact of Illegal Street Racing under Civil Law and the Perspective of Islamic Jurisprudence</i> Wan Nur Adlin Sofiya Wan Muhammad Azan & Wafaa' Yusof	47-61
<b>Tahap Pengetahuan Ibu Bapa Terhadap Kesan Trend Sharenting Kepada Kanak-kanak di Lembah Klang, Malaysia</b> <i>Level of Parents' Knowledge on The Impact of Sharenting Trend towards Children in Lembah Klang, Malaysia</i> Abdul Muaz bin Mustaffa & Nurbazla Ismail	62-70
<b>Microcredit Berasaskan Dana Wakaf Tunai</b> <i>Microcredit Based on Cash Waqf Funds</i> Mohammad Zaini Yahaya, Amir Fazlim Jusoh@Yusoff, Muhammad Adib Samsudin	71-82
<b>Harmonising Shariah Principles on Debt Recovery Practices of Islamic Banks with Regulations Related to Authorised Debt Management Agency in Malaysia</b> Uzaimah Ibrahim, Safinar Salleh, Muhammad Zuhaili Muda & Mohammad Hafiz Mohd Zaki	83-91

<b>Inovasi dan Variasi Produk Hibah dalam Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia</b> <i>Innovations and Diversification of Hibah Instruments in Islamic Estate Planning in Malaysia</i> Nurul Huda Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said & Mohd Zamro Muda	92-103
<b>Peruntukan Undang-undang terhadap Kesalahan Persetubuhan Luar Nikah dalam Kalangan Remaja Muslim: Isu dan Cabaran</b> <i>Legal Provisions on Unlawful Sexual Intercourse Among Muslim Adolescents: Issues and Challenges</i> Nur Aina Abdulah, Nur Al-Farhain Kamaruzaman, Mashitah Abdul Mutalib, & Nurul Ain Hazram	104-109